

Artikel Asli

Implikasi Kemasukan Pekerja Asing Di Malaysia: Suatu Tinjauan Awal

Intan Suria Hamzah¹, Sity Daud¹

¹Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.

Progres Artikel

Diterima: 16 Jun 2016

Disemak: 30 Jun 2016

Diterbit: 14 Julai 2016

*Corresponding Author: Intan Suria Hamzah, Pusat Pengajian Sejarah, Politik dan Strategi, Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan, UKM Bangi. Email: intansuria.hamzah@gmail.com

Abstract: Malaysia experienced a number of the entry of foreigners in the world, mainly as low-skilled workers. Malaysia has been experiencing shortage of workers in main sectors such as construction, agriculture, industrial and service. Foreign workers are workers came from other countries who come to work in Malaysia for a certain period, they are also known as economic's workers. The study found that foreign workers give benefits for country development process in variuos sectors but with their numbers growing and reaching millions of peoples were disturbing economy and local communities.

Keywords: *Foreign worker, demand, economy, PATI, crime, security*

Abstrak: Malaysia mengalami jumlah kemasukan warga asing yang besar di dunia, terutamanya sebagai buruh berkemahiran rendah. Malaysia telah mengalami masalah kekurangan buruh dalam sektor-sektor utama negara seperti pembinaan, perladangan, perindustrian dan perkhidmatan. Pekerja asing atau buruh asing merupakan pekerja yang berasal dari negara luar yang datang bekerja di Malaysia bagi sesuatu tempoh tertentu, ianya juga dikenali sebagai buruh ekonomi. Hasil kajian, mendapati pekerja asing telah membawa manfaat dalam proses pembangunan negara Malaysia dalam pelbagai sektor namun begitu dengan jumlah mereka yang semakin meningkat dan mencecah jutaan orang telah mengganggu-gugat ekonomi dan masyarakat tempatan.

Kata kunci: *Pekerja asing, permintaan, ekonomi, PATI, jenayah, keselamatan.*

Pengenalan

Globalisasi telah mewujudkan satu fenomena baru dan memberi impak yang berbeza-beza ke atas pembangunan ekonomi antara negara terutama negara maju dan negara membangun. Namun kebanyakan negara membangun cenderung tinggal terkebelakang dalam arus globalisasi berbanding negara maju. Ketidaksamaan keupayaan dalam menghadapi arus globalisasi menyebabkan pencapaian kearah pembangunan ekonomi antara negara berbeza-beza. Proses globalisasi telah menyebabkan ketidakseimbangan yang luas dari segi teknologi, agihan

sumber, tingkat pengeluaran serta akses kepada kewangan dalam kalangan penduduk dunia dan selanjutnya menyumbang kepada agihan pendapatan global yang tidak seimbang. Ketidakteraturan ekonomi antarabangsa akan berterusan ekoran daripada corak perkembangan arus globalisasi. Antara impak penting globalisasi ke atas pertumbuhan ekonomi dunia adalah seperti berlakunya perbezaan jurang pendapatan, jurang pelaburan langsung asing, jurang perkembangan ICT, migrasi antarabangsa samaada pendatang asing atau pelarian, globalisasi ekonomi, isu alam sekitar serta implikasi terhadap dasar dalam sesebuah negara (Aini &

Koon 2009: 166-169). Kesan globalisasi akan dirasai oleh semua negara dan masyarakat dunia samaada kesan baik seperti kemajuan teknologi yang mempercepatkan perhubungan atau kesan buruk seperti kemasukan pendatang asing tanpa izin dan aktiviti jenayah terancang.

Kertas ini akan membincangkan kesan kehadiran pekerja asing sama ada secara sah atau tidak sah di Malaysia terhadap masyarakat setempat dan negara. Isu rentas sempadan pendatang asing merupakan isu global, ianya turut berlaku di negara-negara sedang membangun dan negara maju yang mempunyai pelbagai faktor daya tarikan seperti peluang ekonomi, pekerjaan, kestabilan, keamanan serta untuk mendapatkan perlindungan. Negara Amerika, Kanada, Australia, Malaysia dan Arab Saudi antara negara-negara yang menjadi pilihan pendatang asing sama ada secara sah atau tidak sah.

Justeru dengan kemasukan pendatang asing ini pelbagai masalah dari aspek ekonomi, sosial dan keselamatan negara mahupun masyarakat telah timbul dalam negara destinasi. Keselamatan membawa erti bebas daripada ancaman manakala dalam disiplin pengajian politik, istilah ini boleh merujuk kepada keselamatan ekonomi dan keselamatan politik. Dalam kajian keselamatan, istilah ini dikaitkan dengan keselamatan negara iaitu idea asalnya dicetuskan oleh Amerika Syarikat selepas tamatnya Perang Dunia ke-2. Oleh demikian, keselamatan negara disini bermaksud mempertahankan sempadan negara daripada ancaman musuh dan ketenteraan asing supaya negara terus aman dan berdaulat.

Krisis ekonomi Asia merupakan era penghijrahan berskala besar masyarakat dunia kerana kebanyakan dari mereka ini kehilangan punca rezeki, diberhentikan kerja dan muflis. Krisis ekonomi 1997/1998 telah menjejaskan ekonomi negara-negara asia timur dan asia tenggara seperti Korea Selatan, Jepun, Thailand, Indonesia dan Malaysia. Salah satu kesan dari krisis ekonomi ini telah berjaya mengancam keselamatan insan dan memaksa masyarakat negara berhijrah mencari peluang ekonomi.

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif, data primer dijalankan melalui temubual intensif dengan informan yang terlibat dalam mengendalikan pekerja asing dan PATI di Malaysia seperti anggota Polis, KDN dan APMM. Data statistik juga telah diterima daripada Imigresen Putrajaya melalui mel elektronik. Selain itu, data sekunder juga dikumpul melalui data atas talian seperti website badan penguatkuasa negara serta kajian kepustakaan menerusi tesis, artikel jurnal dan akhbar bagi mendapatkan isu semasa.

Keputusan & Perbincangan

Ketika ekonomi berada dalam pengembangan, permintaan ke atas barang-barang dan perkhidmatan akan meningkat kerana terjadinya peningkatan dalam pendapatan serta kejatuhan dalam pengangguran. Lantaran itu, permintaan ke atas buruh juga akan meningkat. Sebaliknya, jika sesebuah ekonomi berada dalam kemelesetan, ini akan menjejaskan permintaan ke atas barang-barang dan perkhidmatan kerana terjadinya kejatuhan dalam tingkat pendapatan serta pengangguran meningkat. Maka akan mengakibatkan permintaan ke atas barang-barang dan perkhidmatan juga akan jatuh. Ini seterusnya akan mengurangkan permintaan ke atas buruh.

Dalam ekonomi buruh, tenaga kerja didefinisikan sebagai mereka yang berada dalam lingkungan umur 15-64 tahun sama ada bekerja atau menganggur. Ini tidak termasuk orang-orang dalam kumpulan umur yang sama yang dilaporkan sebagai tidak bekerja, tiada pekerjaan dan tidak mahu bekerja (Thirunaukarasu 2006). Jadual 1 dibawah menunjukkan perbezaan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Jadual 1 KDNK (%) Negara-Negara Asia Tenggara

Negara	1996	1997	1998	1999	2000	2001	2002
Brunei	1.01	3.60	-3.99	2.56	2.83	3.00	3.21
Kemboja	4.60	4.29	3.70	10.78	7.03	5.67	5.48
Indonesia	7.82	4.70	-13.13	0.79	4.92	3.44	3.66
Laos PDR	6.89	6.91	3.99	7.28	5.81	5.76	5.91
Malaysia	10.00	7.32	-7.36	6.14	8.55	0.32	4.12
Myanmar	6.44	5.74	5.77	10.92	13.70	9.90	5.00
Filipina	5.85	5.19	-0.59	3.41	4.38	4.52	4.43
Singapura	7.71	8.51	-0.86	6.42	9.41	-2.37	2.25
Thailand	5.90	-1.37	-10.51	4.45	4.65	1.94	5.25
Vietnam	9.34	8.15	5.83	4.71	6.76	6.93	7.04
ASEAN	7.30	4.14	-7.14	3.58	5.85	3.19	4.43
ASEAN*	7.23	3.76	-8.93	2.11	5.48	2.54	4.15

*meliputi Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura dan Thailand
Sumber: diolah daripada Thirunaukarasu (2006)

Jadual 1 juga memperlihatkan dua keadaan sebelum dan selepas krisis ekonomi Asia 1997. Daripada jadual tersebut jelas bahawa kebanyakan negara asia tenggara telah mengalami kejatuhan dalam pertumbuhan ekonomi. Negara Brunei misalnya mempunyai kadar pertumbuhan ekonomi sebanyak 3.60 peratus pada tahun 1997, telah mengalami kejatuhan dalam ekonominya kepada -3.99 peratus (1998). Negara Indonesia adalah negara paling teruk terjejas akibat krisis ekonomi asia 1997 di mana kadar pertumbuhan ekonomi yang berada dalam kedudukan positif pada tahun 1997 iaitu

sebanyak 4.70 peratus telah menjadi -13.13 peratus pada tahun 1998. Kejatuhan ini memberi beberapa implikasi kepada ekonomi Indonesia dan implikasi yang sangat nyata ialah peningkatan dalam kadar pengangguran. Negara asia tenggara lain yang turut terjejas akibat krisis ekonomi asia 1997 ialah Thailand di mana kadar pertumbuhan ekonomi Thailand telah jatuh daripada 5.91 peratus (1996) kepada -10.51 peratus (1998).

Negara-negara ekonomi transisi tidak begitu terjejas akibat krisis ekonomi asia 1997. Vietnam, Kemboja dan Laos sungguhpun mengalami kejatuhan dalam pertumbuhan ekonomi namun kadar pertumbuhan ekonomi di negara-negara tersebut masih kekal positif. Kemboja misalnya, telah merasai kesan krisis ekonomi asia 1997 apabila kadar pertumbuhan ekonomi negara itu telah jatuh daripada 4.29 peratus (1997) kepada 3.70 peratus (1998). Lao PDR telah mengalami kemerosotan dalam pertumbuhan ekonomi dari 6.91 peratus (1997) kepada 3.99 peratus (1998). Vietnam juga telah mengalami kejatuhan dalam kadar pertumbuhan ekonomi dari 8.15 peratus (1997) kepada 5.83 peratus (1998). Antara ekonomi transisi asia tenggara ini hanya Myanmar sahaja telah menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang positif dan tidak terjejas pada jangka masa krisis ekonomi asia 1997.

Ekonomi Myanmar telah bertumbuh daripada 5.74 peratus (1997) kepada 5.77 peratus (1998). Pertumbuhan ekonomi sesebuah negara boleh ditunjukkan oleh pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK). Sekiranya KDNK meningkat maka ekonomi itu dikatakan telah mengalami pertumbuhan ekonomi. Sebaliknya, jika KDNK mengalami kejatuhan ekonomi maka dikatakan mengalami kemelesetan. Pertumbuhan ekonomi adalah sangat penting kerana ia mampu menunjukkan sama ada ekonomi sesebuah negara itu mempunyai pengangguran yang tinggi atau rendah. Sekiranya pertumbuhan ekonomi adalah tinggi, banyak peluang pekerjaan akan diwujudkan. Sebaliknya, jika terjadi kemelesetan ekonomi, pengangguran pula akan bertambah (Thirunaukarasu 2006: 111 & 113). Keadaan inilah yang berlaku di Malaysia kerana negara berada dalam keadaan ekonomi berkembang dan pesat membangun serta mempunyai banyak peluang pekerjaan seperti di sektor pembinaan dan perkhidmatan.

Secara rumusan untuk krisis ekonomi Asia, hampir semua negara asia tenggara menerima kesan daripada krisis ekonomi 1997. Kesan utama krisis adalah kejatuhan dalam KDNK kerana ianya memberi impak besar kepada guna tenaga yang semakin berkurangan dalam sektor pembuatan dan akibatnya kadar pengangguran semakin meningkat. Pada masa krisis kewangan asia 1997 juga terjadi peningkatan dalam sektor tidak formal di negara-negara Asia Tenggara seperti Malaysia, Thailand dan Indonesia telah menyediakan pelbagai bantuan kewangan untuk


membangunkan usahawan kecil-kecilan yang terlibat dalam sektor tidak formal dan begitu juga selepas krisis berlaku. Pemulihan ekonomi setiap negara adalah berbeza dan pengangguran semakin melebar. Justeru bagi negara-negara yang terjejas teruk telah mengakibatkan berlakunya migrasi masyarakat bandar ke negara lain bagi mencari peluang ekonomi. Keadaan ini menyebabkan negara-negara maju dan sedang membangun menjadi tumpuan pendatang asing.

Menurut Hugo (2008: 8), Amerika Syarikat, Australia, Kanada dan New Zealand mencatatkan jumlah kedatangan migrasi tertinggi di dunia yang datang dari negara Hong Kong, China, Japan, Korea, Singapura dan Taipei. Bagi negara di rantau Asia Tenggara iaitu Malaysia dan Thailand juga menghadapi masalah signifikan kerana mempunyai *outflow* dan *inflow*. Bagi negara lain seperti Mongolia, Filipina, Indonesia, Vietnam, China, Mexico, Chili, Peru dan Columbia menjadi negara pengeksporth tenaga kerja dunia untuk keperluan ekonomi. Situasi ini turut melanda negara Malaysia sejak tahun 1970an dengan jumlah yang kecil namun ianya telah menunjukkan pertambahan bilangan yang mendadak sehingga hari ini.

Pekerja asing di Malaysia merujuk kepada golongan imigran atau bukan warganegara negara yang datang berhijrah atau melarikan diri ke Malaysia (Rahman Embong 2000). Mereka ini boleh terdiri daripada pekerja asing dengan izin, pekerja asing tanpa izin, pelarian dan pemohon suaka politik. Era liberalisasi perdagangan yang semakin global membuatkan peranan organisasi dan institusi antarabangsa semakin signifikan peranannya termasuk membuat campur tangan dalam urusan sesebuah negara. contohnya, peranan IMF dalam menangani krisis kewangan yang melanda negara-negara asia tenggara serta negara asia timur seperti Korea Selatan dan begitu juga Russia. Dari sudut politik, institusi-institusi antarabangsa ini cenderung memposisikan dirinya sebagai *shadow world government* atau pemerintahan dunia bayangan yang mengawal dan mengatur negara anggotanya seperti negara Indonesia. Hal ini dapat dilihat betapa dominannya institusi ini sehinggakan boleh mencampuri masalah ekonomi dan pembangunan negara-negara dunia ketiga. Selain itu, pelbagai langkah dan dasar pemerintah harus diambil atas saranan dan keputusan IMF. Misalnya, penstrukturan semula perbankan, pengemasan dasar nasional, autonomi daerah, isu pendemokrasian dan hak asasi manusia. Keadaan diatas merupakan kesan dari arus globalisasi yang membesarkan kuasa organisasi antarabangsa.

Rakyat asing yang bekerja di Malaysia terdiri daripada dua jenis utama. Pertama, pekerja ekspatriat yang secara rasminya dirujuk sebagai pegawai dagang. Ciri-ciri mereka adalah seperti berikut; berkemahiran tinggi dalam bidang teknikal, profesional dan

pengurusan, menerima gaji yang tinggi dan gaji minimum mereka adalah lima ribu sebulan dan kontrak kerja sekurang-kurangnya dua tahun dan mereka diberi pas penggajian. Kedua, pekerja asing berkemahiran rendah direkrut bagi pekerja bawahan dalam hierarki pekerjaan di Malaysia dan mereka terlibat dalam salah satu daripada enam sektor yang ditentukan oleh pihak kerajaan seperti pembinaan, perkhidmatan, perladangan, pertanian, pembuatan dan pembantu rumah. Peranan pekerja asing ini diakui amat penting buat negara dan tenaga mereka merupakan keperluan dalam sektor-sektor kritikal di Malaysia. Justeru tidak hairan mengapa negara membawa masuk buruh asing ke dalam negara dalam jumlah yang ramai. Carta dibawah menunjukkan jumlah pekerja asing aktif di Malaysia mengikut negara dari tahun 2006-2013.



Sumber: Imigresen Malaysia (2014).

Negara Indonesia sememangnya menjadi pelopor bagi sektor-sektor kritikal pekerjaan di Malaysia. Keberadaan pekerja asing dari Indonesia diakui mempunyai jumlah tertinggi oleh Imigresen dan polis Diraja Malaysia. Diikuti pula, negara Nepal, Bangladesh, Myanmar dan India. Warga Nepal, Bangladesh dan Myanmar kebanyakannya terlibat dalam sektor pembuatan iaitu sebagai pekerja kilang. Bagi warga India mereka aktif di dalam sektor perkhidmatan iaitu sebagai pelayan di kedai makan misalnya restoran 24 jam atau lebih dikenali sebagai restoran mamak, tukang masak, pembancuh air dan kerja-kerja pembersihan.

Menurut Mustafa (2014), walaupun isu pendatang asing atau pekerja asing di Malaysia ini menjadi bualan hangat namun tidak dinafikan sumber pekerja asing inilah yang membantu pembangunan

negara dalam membina bangunan-bangunan pejabat, kilang-kilang di tapak perindustrian, projek mega negara seperti pembinaan infrastruktur awam, rel keretapi dan berkhidmat dalam bidang perkhidmatan (*service*) yang melibatkan orang awam atau pengguna contoh pengawal keselamatan, juruwang kedai serbanika dan pekerja pembersihan. Pekerja asing ini terbahagi kepada dua iaitu legal merujuk kepada pekerja sah dan berdokumen. Manakala illegal adalah pekerja tidak sah, tiada dokumen dan menggunakan saluran tidak sah. Dahulu negara menggunakan istilah pendatang haram namun negara-negara jiran marah dengan penggunaan istilah tersebut dan menganggap ianya tidak sopan dan kasar. Justeru negara telah mengubah istilah tersebut kepada PATI iaitu pendatang asing tanpa izin.

Pendatang asing ini mula masuk ke Malaysia dengan jumlah yang besar pada tahun 1990an, apabila negara melakukan pembinaan projek mega serta ekonomi Malaysia ketika itu sedang berkembang pesat sehingga 70% setahun. Antara projek mega Malaysia ialah KLCC, KLIA dan menara berkembar Petronas. Justeru kerajaan mengalu-alukan kedatangan pekerja asing masuk secara sah dan menerima jumlah yang ramai pekerja asing ini terutamanya dari negara Indonesia. Bermula dari projek mega dan kemasukan pekerja asing yang semakin meningkat menyebabkan isu keselamatan mula timbul. Antara isu yang menjadi masalah negara adalah aspek pengurusan pekerja asing, masalah sosial di penempatan warga asing, peningkatan kemasukan secara terancang dan haram, pembukaan penempatan tempat tinggal, masalah pencemaran, peningkatan jumlah kes dan masalah jenayah serta kebanjiran warga asing di ibu kota dikala hujung minggu dimana hari berikut adalah waktu yang sama untuk warga tempatan bersiar-siar bersama keluarga. Keadaan ini sememangnya mengganggu gugat keharmonian dan mencetus kebimbangan masyarakat setempat. Perkara ini diakui sendiri oleh warganegara Malaysia bahawa mereka berasa takut apabila berjumpa atau bertembung dengan warga asing di tempat-tempat awam dan persekitaran rumah kerana warga asing ini berada dalam kumpulan besar dan boleh dilihat dimana-mana sahaja.

Zarina & Nor Azizan Idris (2015), perkembangan ekonomi dan aktiviti pembangunan yang berkembang pesat di Malaysia meyebabkan berlakunya migrasi global kerana wujud permintaan tinggi terhadap tenaga buruh asing. Keadaan ini telah mengubah struktur pasaran tenaga buruh secara signifikan. Perkaitan antara aspek pembangunan di sesebuah negara dengan proses migrasi menjadi sesuatu yang tidak dapat dielakkan. Perubahan pengaliran migrasi bergantung pada struktur ekonomi sesebuah negara. Dasar migrasi bagi kedua-dua negara penerima dan penghantar, jumlah serta komposisi migrasi yang wujud memberikan impak kepada tahap pembangunan sosioekonomi maka permintaan tenaga

kerja meningkat. Peningkatan ini bergantung pada perkembangan ekonomi berdasarkan rancangan pembangunan nasional yang dilakukan oleh kerajaan di negara penerima.

Potensi Ancaman Pekerja Asing dan Isu Semasa

Melunsuri abad 21, Malaysia mempunyai cabaran-cabaran baru dalam mengekalkan keamanan kehidupan masyarakat dan keselamatan negara dengan kemasukan pendatang asing tanpa izin, pendatang asing dengan izin sebagai pekerja dan pelarian. Ahli akademik telah menyatakan bahawa musuh nombor dua negara kini adalah pendatang asing yang datang ke Malaysia. Mereka ini datang dan pulang secara sah ataupun tidak sah serta kedatangan mereka semakin meningkat. Ketiga-tiga kumpulan ini mempunyai pelbagai masalah dan cabaran buat negara kerana mereka ini datang ke Malaysia dalam bilangan yang ramai dan kini negara sedang menghadapi cabaran dalam menangani isu dan masalah yang ditimbulkan oleh mereka ini seperti pergaduhan, pengedaran dadah, pecah rumah, bunuh, kerosakan harta benda, monopoli perniagaan, pembukaan penempatan haram, tiada pekerjaan, pergaulan bebas dan sebagainya. Melalui temubual yang dijalankan, Polis Diraja Malaysia mengesahkan bahawa Malaysia telah menjadi negara destinasi dan negara transit bagi pendatang asing tanpa izin dari negara-negara-negara sumber tersebut terdiri dari negara Indonesia, Thailand, Myanmar, India, Vietnam, Pakistan, Filipina, India, Nepal, Sri Lanka, Laos dan sebagainya. Pekerja asing di Malaysia kebanyakannya terdiri daripada warganegara dari negara Indonesia yang memonopoli jumlah populasi tertinggi pekerja asing di Malaysia sama ada secara sah atau tidak sah. Salah satu faktor ianya terjadi adalah faktor geografi kerana paling hampir dengan Malaysia.

Seterusnya pekerja dari negara Nepal, Bangladesh, Myanmar dan India, mereka ini diberikan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) apabila bekerja secara sah di Malaysia (Imigresen 2013). Terdapat dua kumpulan pekerja asing di Malaysia iaitu golongan ekspatriat dan pekerja asing berkemahiran rendah ditadbir oleh dua bahagian yang berasingan di Jabatan Imigresen Malaysia. Mereka juga tertakluk kepada syarat dan terma penggajian yang berbeza dan memihak kepada pegawai dagang. Kedua-dua kategori pekerja asing ini mungkin bekerja secara sah atau tidak sah. Jika mereka bekerja secara tidak sah lazimnya akan dirujuk sebagai Pekerja Asing Tanpa Izin (PATI). Rakyat asing boleh menjadi PATI jika melakukan perkara-perkara berikut:

1. Memasuki Malaysia secara menyeludup dan tiada dokumen perjalanan sah. Golongan ini merangkumi juga pencari suaka politik dan orang pelarian.

2. Datang secara sah dan tinggal lebih masa dan bekerja tanpa PLKS.
3. Menyalahgunakan pas, misalnya datang sebagai pelajar tetapi melibatkan diri dalam pekerjaan.
4. Datang dan bekerja secara sah tetapi tidak memperbaharui permit kerja.
5. Melarikan diri daripada majikan dan sektor pekerjaan yang ditetapkan.

(Azizah 2012)

Demikian itu, perlu ditegaskan bahawa status seseorang pekerja asing boleh berubah-ubah dari semasa ke semasa. Pekerja sah menjadi tidak sah apabila PLKS tidak diperbaharui dan PATI bertukar menjadi pekerja sah selepas proses legalisasi atau memperbaharui dokumen PLKS. Hal ini menyebabkan ada yang mengatakan pengkategorian pekerja asing kepada pekerja sah dan PATI adalah satu usaha sia-sia. Namun begitu, pengkategorian ini penting dari segi undang-undang untuk menentukan hak dan tanggungjawab mereka sebagai pekerja dan residen di negara ini serta tanggungjawab kerajaan terhadap mereka. Misalnya, pekerja asing ada hak untuk bekerja tertakluk kepada terma dan syarat kontrak kerja dan mempunyai akses kepada undang-undang tetapi PATI tidak. PATI boleh ditangkap bila-bila masa oleh pegawai penguatkuasa dan diusir pulang kecuali jika dia melaporkan diri sebagai mangsa pemerdagangan orang dan penyeludupan migran.

Malaysia antara sepuluh negara tertinggi teratas yang menggaji pekerja asing di dunia. Pada tahun 2008 seramai 2 juta pendatang asing sah berada di Malaysia. Pekerja asing berada dalam pelbagai sektor kritikal dan media juga sering memaparkan isu ini (Zaini 2014). Negara Malaysia sememangnya memerlukan pekerja asing dalam sektor-sektor utama dan kritikal seperti pembinaan bangunan, rumah apartment kawasan bandar dan penyediaan rel keretapi seperti LRT, MRT dan monorel. Pekerja asing menjadi pilihan utama pihak pemaju dan majikan kerana mereka ini lebih terjamin, kos efektif (berbaloi & untung), rajin, komitmen tinggi dan mempunyai sumber tenaga yang meluas untuk membantu sektor pembangunan negara. Dari aspek lebih terjamin merujuk kepada ketetapan dari aspek kedatangan kerja iaitu taat bila bekerja, tidak selalu cuti dan sanggup bekerja lebih masa, bekerja tanpa cuti atau bekerja di hari minggu. Selain itu, pekerja asing ini mempunyai semangat yang cekal, bersungguh-sungguh dalam bekerja dan sanggup melakukan tugas-tugas berat asalkan di bayar gaji.

Dari sudut jenayah, kehadiran pendatang asing di Malaysia jelas menggugat keamanan masyarakat setempat dan kawasan bandar. Contohnya kawasan sekitar Selangor dan bandaraya Kuala Lumpur menunjukkan keamanan masyarakat telah di ganggu

gugat (Hasbullah 2014, Zahid Hamidi 2013). Dari data yang diperolehi mulai tahun 2001 hingga tahun 2006, didapati kes-kes seperti jenayah kekerasan dan jenayah harta benda jelas menunjukkan peningkatan dari tahun ke tahun yang melibatkan warga asing. Warganegara Indonesia mencatatkan jumlah tertinggi dalam penglibatan jenayah diikuti oleh Bangladesh, Myanmar, Pakistan, Filipina dan lain-lain bangsa.

Manakala kes-kes yang melibatkan warga Afrika atau lebih dikenali sebagai Awang Hitam pula berbentuk penipuan seperti *Black Money*, menjual jam tiruan di sekitar ibu kota, menawarkan skim cepat kaya di internet dan Awang Hitam semakin aktif dengan jenayah penyamaran penipuan di internet. Ini adalah jenayah trend terbaru, mereka beroperasi dari dalam atau luar negara dengan bermodalkan ayat-ayat manis, laptop dan kamus bahasa melayu mudah, mereka ini memperdayakan wanita dan anak gadis Malaysia dengan pelbagai janji manis sehingga mereka ini jatuh cinta dan tertipu. Wanita-wanita ini sanggup memberikan sejumlah wang tanpa pernah berjumpa atau mengenali dengan lebih rapat (Suffian 2011).

Selain itu, mereka ini juga mengganggu ketenteraman awam kerana suka mabuk, bergaduh, membuat bising, melepak secara berkumpulan, suka membuang sampah merata-rata dan keadaan ini amatlah mengganggu kawasan kejiranan tempatan. Selain itu peningkatan kes-kes pecah rumah turut menggusarkan penduduk sekitar Selangor dan Kuala Lumpur, beberapa tahun lalu kegiatan pecah rumah berlaku hampir di seluruh negara dan kebanyakannya adalah angkara pendatang asing. Pihak polis terpaksa menambah peruntukan bagi meningkatkan kawalan dan perkhidmatan. Hanya selepas polis mengadakan beberapa operasi dan bertindak tegas terhadap pendatang asing yang terbabit dalam jenayah barulah kegiatan pecah rumah berkurangan.

Menurut pandangan Shamsul Amri (2014), isu pekerja asing adalah meliputi isu politik, isu antara negara dan isu keselamatan negara dalam konteks negara-negara asing. Contohnya sempadan negara yang terbuka luas, *movement of labour* berlaku dalam kalangan negara-negara ASEAN. Dimensi ekonomi daripada pekerja asing iaitu keuntungan, ianya suatu bentuk perniagaan kelompok yang terlibat seperti keuntungan kepada agen dan saluran bawah tanah (saluran haram). Semakin besar pembangunan dan perkembangan ekonomi sesebuah negara semakin besar keperluan terhadap tenaga kerja asing. Menurut Ahsan (2010: 5-7), pertumbuhan ekonomi yang pesat 'Asia tiger economies' di Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Malaysia menyebabkan kekurangan tenaga buruh meningkat teruk dan pasaran buruh tempatan gagal memenuhi permintaan secukupnya.

Hasilnya, penghijrahan peringkat makro berlaku kerana wujudnya perbezaan serantau yang besar dan persamaan serantau berkurangan berikutan berlakunya trend penghijrahan. Kadar pengangguran yang tinggi di Bangladesh dan Myanmar misalnya mendorong penyeludupan pendatang berpotensi kepada pasaran antarabangsa untuk peluang pekerjaan. Keadaan ini tidak menolak peranan penting kerajaan dalam keputusan penghijrahan. Kedatangan pendatang tidak hanya bertindak balas sendiri ianya juga melibatkan peranan kerajaan dalam mendorong penghijrahan, misalnya Bangladesh, China, Filipina, Thailand dan Sri Lanka merupakan negara yang aktif dalam membangunkan dasar mengeksport buruh lebihan. Ini adalah usaha untuk membangunkan taraf ekonomi rakyat dan mendapatkan tukaran mata wang asing secara langsung menjana pembangunan ekonomi negara. Manakala agensi-agensi dalam negara seperti agen pekerja asing telah mengambil inisiatif untuk melatih pekerja-pekerja yang berpotensi bagi memasarkan mereka dan meraih keuntungan.

Menurut Sofian (2014), bagi negara miskin faktor penolak utama ke negara asing adalah disebabkan kemiskinan, bencana alam (wabak penyakit, banjir, gempa bumi, peribadi) dan begitu juga dengan permintaan dari negara asing itu sendiri bagi mengisi keperluan dalam sektor-sektor negara pengimport seperti Malaysia. Justeru keadaan-keadaan ini merangsang penghijrahan yang menjanjikan keuntungan mahupun kebaikan. Malaysia negara berdaya saing dalam ekonomi dan pembangunan. Dianggarkan hampir 6 juta pendatang asing datang ke Malaysia melalui jalan udara, air dan darat. Jalan darat iaitu melibatkan sempadan darat antara negara seperti Malaysia-Thailand. Kebiasaanya untuk memasuki sempadan Malaysia secara tidak sah akan dikenakan bayaran sekitar RM 100-500 ringgit (agen/orang tempatan) di pintu masuk negara. Manakala di jeti laut dan terminal pula berlaku aktiviti sindiket pasport palsu. Turut dikesan pemandu teksi juga terlibat sebagai pengantara dan pembawa pendatang asing ke destinasi dengan mengenakan bayaran yang lebih tinggi. Keadaan ini dianggap sebagai satu bentuk perniagaan antara pemandu teksi dengan pendatang asing bagi memudahkan laluan dan urusan masing-masing. Dalam erti kata sebenar, pemandu teksi mendapat keuntungan melalui caj bayaran manakala pendatang asing akan mudah, cepat dan selamat sampai ke penempatan sementara (Hussin 2014). Sehubungan itu, penduduk tempatan juga ada yang melibatkan diri dalam menjadi agen, pemandu dan pemudah cara bagi pendatang asing ini untuk masuk ke Malaysia secara haram (PDRM 2014 & APMM 2013)

Manakala Weatherbee (2005: 181-183), menyatakan buruh asing telah dipersalahkan di Malaysia dalam peningkatan jenayah dan masalah sosial serta menafikan peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia.

Tindakan keras Malaysia terhadap pendatang haram membawa kepada kemerosotan dalam hubungan antara Malaysia dan Indonesia serta Filipina. Jakarta dan Manila menyatakan kemarahan dengan dakwaan berlaku kekejaman, kes rogol dan keadaan tidak bersih semasa proses penghantaran balik. Pergerakan pendatang asing tanpa izin dari Bangladesh dan Myanmar pula merentasi sempadan Thailand-Malaysia juga telah membuatkan hubungan dua hala antara Kuala Lumpur dan Bangkok menjadi keroh. Selain mengukuhkan kawalan sempadan dan meluaskan rondaan tentera, kawasan Malaysia telah dipagar di beberapa bahagian sempadan dengan Thailand.

Pergerakan melalui kepulauan dengan menggunakan bot yang datang dari Asia Barat dan Timur Tengah untuk mencari perlindungan di Australia telah membuatkan hubungan dua hala Indonesia-Australia menjadi tegang. Australia telah menggesa Indonesia agar lebih mengawasi dan mengetatkan undang-undang negara berkenaan kerana negara tersebut telah menjadi lalu lintas sempadan bagi pergerakan pendatang asing tanpa izin ke Australia. Sindiket jenayah penyeludupan antarabangsa dan titik transit di Indonesia menjadi berleluasa kerana kurangnya kawalan kuasa pusat dan kawalan yang tidak mencukupi, struktur penguatkuasaan undang-undang yang lemah dan gejala rasuah. Keadaan muka bumi Indonesia yang besar dan luas sememangnya menyukarkan pihak kerajaan untuk memantau secara efisien dan menyeluruh. Sehubungan itu, bagi keadaan di negara Myanmar dan sebahagian kecilnya Laos dan Kemboja turut mengalami masalah yang sama iaitu penguatkuasaan kerajaan yang lemah dan menyebabkan peluang dan aktiviti jenayah terus berlaku. Negara-negara yang lemah akan bertambah lemah dengan berlakunya rasuah dan wujudnya perjuangan kawalan sistem domestik bagi melemahkan sistem politik negara itu sendiri seperti melemahkan pentadbiran dan badan kehakiman. Keadaan ini akan meruntuhkan pembangunan dan sistem negara.

Selain itu, sindiket rentas sempadan menyediakan persekitaran ideal untuk kumpulan penjenayah menjalankan aktiviti jenayah antarabangsa. Pantai yang panjang dan kurang dijaga, pantauan kerajaan yang tidak efisien, kesusahan ekonomi, penguatkuasaan undang-undang yang lemah, persengketaan kaum, konflik agama, masalah iklim, politik dan penindasan pelampau adalah ciri-ciri yang membolehkan aktiviti jenayah antarabangsa ini berkembang dan beroperasi dengan mudah. Untuk menangani isu-isu jenayah rentas sempadan dengan berkesan, negara-negara Asia Tenggara perlu bergelut dengan sekurang-kurangnya tiga halangan utama seperti yang dinyatakan dalam satu kajian Australia. Pertama, sempadan yang rapuh dan secara amnya kawalan imigresen lemah dengan halangan pentadbiran yang

ditumbangkan oleh rasuah. Kedua, ekonomi negara-negara Asia Selatan dan perdagangan berpaut antara Asia Tenggara dan Timur Tengah serta banyak yang beroperasi di luar saluran kewangan yang biasa dan tidak mudah dipantau oleh kerajaan. Ketiga, aktiviti jenayah yang meluas di rantau ini dan seterusnya memudahkan pergerakan penganas.

Kamal (2009), telah mengenalpasti antara masalah yang menjadi bebanan kepada Malaysia ialah wujud pelbagai masalah di kedutaan pekerja asing masing-masing kerana kedutaan tidak mahu bekerjasama sepenuhnya. Antara masalah yang timbul adalah seperti kedutaan asing enggan mengeluarkan dokumen perjalanan sementara kepada rakyat supaya mereka boleh dihantar kembali dan enggan membiayai kos penghantaran pulang. Keadaan ini membuatkan banyak usaha, tenaga, wang, dan masa yang sia-sia dalam mencegah kemasukan pendatang asing tanpa izin. Sebahagian daripada mereka yang bekerja di negara ini telah dikenali mengambil peluang-peluang perniagaan dari orang-orang tempatan. Keadaan ini menimbulkan rasa tidak puas hati terhadap orang-orang tempatan kerana mereka ini tiada permit, mengganggu peniaga tempatan yang mempunyai lesen perniagaan dan masalah kebersihan kawasan premis dan perniagaan. Akhirnya lebih ramai pekerja asing dan pendatang asing membuka kampung mereka sendiri, menghantar anak-anak mereka ke sekolah kerajaan, menggunakan perkhidmatan kesihatan kerajaan dan mewujudkan kawasan setinggan baru. Keadaan persekitaran yang tidak bersih dan sistem tidak teratur akan mengakibatkan penyakit berjangkit akan disebarkan secara meluas. Pekerja asing dengan izin akan tertakluk kepada pemeriksaan perubatan. Sebaliknya, pendatang tanpa izin tidak berbuat demikian. Ramai daripada mereka datang dari kawasan luar bandar di negara asal mereka. Kesihatan mereka adalah kurang terjamin. Sebahagian daripada mereka mengalami AIDS, batuk kering, penyakit kelamin, dan sebagainya. Statistik telah menunjukkan bahawa bilangan orang yang mengalami batuk kering meningkat di Malaysia dan terdapat pendatang haram telah di kesan pembawa HIV dan virus hepatitis. Selain itu, hubungan seksual mereka dengan pelacur tempatan dan asing juga akan mempercepat jangkitan AIDS.

Kesimpulan

Pekerja asing di Malaysia dilihat saban tahun menunjukkan peningkatan dalam jumlah pengambilannya untuk memenuhi sektor-sektor pembangunan, perkhidmatan dan domestik. Diakui pendatang asing sah mahupun PATI mempunyai peranan besar kepada negara Malaysia. Mereka ini jentera pembinaan infrastruktur, pembangunan dan memenuhi

keperluan syarikat-syarikat tempatan. Mereka ini dibayar upah yang murah, taat bekerja, tahan lasak, mempunyai keberanian bekerja dalam situasi bahaya seperti menjadi buruh binaan bangunan tinggi. Terbaru (2016), kerajaan Malaysia telah mengumumkan permohonan pendaftaran 1.5 juta warga Bangladesh untuk bekerja di Malaysia. Angka ini menjadi bualan hangat dan kemarahan semasa namun bagi kerajaan mereka ini amat diperlukan dalam industri-industri Malaysia yang sedang pesat membangun dan sektor-sektor yang tidak mendapat sambutan daripada warga tempatan. Sehubungan itu, pendatang asing yang bekerja di Malaysia juga telah menimbulkan pelbagai masalah dan jenayah setempat seperti rompakan, pembunuhan, pergaduhan, ragut dan sebagainya serta menyumbang kepada ancaman keselamatan insan masyarakat, lantas memburukkan imej Malaysia di persada antarabangsa.

Demikian itu, usaha gigih mesti diambil untuk mengurangkan jumlah pekerja asing dan PATI ke satu tahap yang mudah diurus. Kerajaan dan para pembuat dasar perlu mencari kaedah baru kerana strategi yang ada sekarang jelas tidak berkesan. Proses pemutihan, pengampunan dan pengusiran sebagai cara membendung percambahan populasi PATI mesti dikaji semula kerana ada tanda-tanda yang menunjukkan strategi ini adalah “counter-productive” iaitu ia menggalakkan perkembangan PATI dan bukan mengurangkannya. Punca kehadiran PATI mesti dikenal pasti dan pembuat dasar perlu juga perlu berusaha mencari formula terbaik bagi membendung pertambahan jumlah mereka seterusnya membantu penempatan warga tempatan dalam proses mendapatkan pekerjaan. Kita tidak mahu mendengar berulang kali alasan kerajaan menyatakan sektor pembinaan, perladangan dan perkilangan tidak diminati oleh warga tempatan maka sebab itu peluang ini diberikan kepada warga asing. Sudah sampai masanya kerajaan memberi penekanan kepada warga tempatan dengan penyelesaian melalui dasar-dasar yang lebih praktikal seperti dari aspek gaji, skop kerja, latihan dan intentif yang berpatutan serta melatih tenaga tempatan sehingga mahir dan berminat dalam sesuatu sektor.

Rujukan

Abdul Rahman Embong, 2000. *Negara, Pasaran dan Pemodenan Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Aini & Lea Koon 2009: 166-169 Nor Aini & Goh Lea Koon. 2009. Kesan globalisasi terhadap kemiskinan. Dlm. *Ekonomi Malaysia ke arah pembangunan seimbang*. pytg. Nor Aini & Ishak Yussof. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Akm Ahsan Ullah. 2010. *Rationalizing Migration Decisions: Labour Migrants in East and South-East Asia*. England: Ashgate publishing limited.
- Azizah Kassim. 2012. *Dasar pekerja asing di Malaysia*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Azizah Kassim. 2014. Sesi perbincangan meja bulat. keselamatan negara: isu pekerja asing dan cabaran semasa. Anjuran: Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara (MPN) & Northern Corridor Research Center (NCRC), Universiti Utara Malaysia (UUM). Palm Garden Hotel, Putrajaya.
- Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi (menteri KDN). *Masalah pekerja asing*. Temubual. 23 September 2013.
- Hussain dan rakan-rakan. 2015. Pelarian Rohingya Myanmar. Hulu Langat. Temubual Januari.
- Jabatan Imigresen Malaysia. 2014. *Data statistik pekerja asing aktif*. Bahagian Pas Pekerja Asing, Imigresen Malaysia. Unit Antarabangsa dan Statistik. Putrajaya: Bahagian Komunikasi Korporat.
- Kamal Sadiq. 2009. *Paper Citizens : How Illegal Immigrants Acquire Citizenship in Developing Countries*. New York: Oxford University Press.
- Laksamana Pertama Maritim Hj Adon Hj Shalan. 2013. Ketua Penguatkuasa Maritim Wilayah Selatan Malaysia. Beserta pegawai pengiring dan laskar-laskar laut. Temubual. 4 Ogos.
- Laporan Ekonomi 1991/1992: 230 & 1993/1994: 23. Malaysia. 1992.
- Laporan Ekonomi 1991/1992. Putrajaya: Kementerian Kewangan Malaysia.
- Mat Taib Yasin. 2006. *Threats to Malaysia from the western maritime frontier: issues and options*. Kuala Lumpur: Maritime institute of Malaysia.
- Mohammad Mustafa Ishak. 2014. keselamatan negara: isu pekerja asing dan cabaran semasa. Kluster politik, keselamatan dan hal ehwal antarabangsa. Sesi perbincangan meja bulat. keselamatan negara: isu pekerja asing dan cabaran semasa. Putrajaya: Palm Garden Hotel.
- Mohd Sofian, Zulkefli Salleh & Kamarulnizam Abdullah. 2014. *Pekerja Asing dan Keselamatan Negara*. Seminar Pekerja Asing. Putrajaya.

- Shamsul Amri Baharuddin. 2014. *Seminar Pekerja Asing*. Putrajaya: Palm Garden Hotel.
- Sofian Baharom. 19 Februari 2016. *Kemasukan 1.5 Juta Pekerja Bangladesh Ke Malaysia Tidak Benar*. <http://www.utusan.com.my/berita/politik/kemasukan-1-5-juta-pekerja-bangladesh-ke-malaysia-tidak-benar-1.192211> [26 Februari 2016].
- Suffian Abu Bakar. ARKIB. 07 Disember 2011. *Kesan kebanjiran 'Awang Hitam'*. Utusan Malaysia. Online. http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2011&dt=1207&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_01.htm [6 Januari 2016].
- Supt. Muhammed Hasbullah Ali A.M.P.A.C.M. Timbalan Ketua Polis Daerah Gombak. 2014. *Jenayah warga asing*. Selangor: Ibu Pejabat Polis Daerah Gombak.
- Thirunaukarasu, S. 2006. Implikasi Krisis Ekonomi Asia 1997 ke atas Pasaran Buruh di Negara-negara Asia Tenggara. Dlm. *Asia Tenggara Kontemporari*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Weatherbee, D.E. 2005. *International Relations in Southeast Asia: The Struggle for Autonomy*. United State of America: Rowman & Littlefield Publishers Inc.
- Zaini Hassan & Wan Shahabudin. 2014. *Pekerja asing keperluan atau kehendak?*. Sesi perbincangan meja bulat. keselamatan negara: isu pekerja asing dan cabaran semasa. Anjuran: Kluster Politik, Keselamatan dan Hal Ehwal Antarabangsa, Majlis Profesor Negara (MPN) & Northern Corridor Research Center (NCRC), Universiti Utara Malaysia (UUM). Putrajaya: Palm Garden Hotel.
- Zarina Othman & Nor Azizan Idris. 2015. *Migrasi dan Keselamatan*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa & Pustaka.